

14 NOV 1997

Polis-Insiden

TINDAKAN PANTAS POLIS ELAKKAN INSIDEN TIDAK DIINGINI DI KEDUTAAN INDONESIA

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Tindakan pantas polis yang segera "campur tangan" dalam satu pertengkaran di antara beberapa kakitangan Kedutaan Indonesia dan sekumpulan anggota Suara Rakyat Malaysia (Suaram), berjaya mengelakkan berlakunya insiden yang tidak diingini di hadapan bangunan kedutaan itu, di sini, malam ini.

Kejadian itu bermula apabila kumpulan anggota Suaram itu, yang "berjaga sepanjang malam" untuk memperingati ulangtahun keenam Pembunuhan Beramai-ramai Dili, telah memasang satu kain pemedang bersebelahan pintu pagar hadapan bangunan kedutaan itu.

Kain pemedang itu, yang tertera kata-kata sokongan terhadap Kamal Bamadhaj yang dibunuh oleh tentera Indonesia pada 1991, dipasang sehingga menutupi nama Kedutaan Indonesia di tembok luar bangunan itu.

Tindakan itu menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap lima kakitangan kedutaan itu menyebabkan mereka keluar dari bangunan kedutaan untuk membantah tindakan anggota Suaram itu.

Bagaimanapun, anggota-anggota Suaram itu mempertahankan tindakan mereka dan ini menyebabkan tercetusnya pertengkaran di antara mereka dengan kakitangan kedutaan.

Sepasukan anggota polis berseragam dan berpakaian biasa, yang memang berada di situ bagi mengawasi perhimpunan anggota Suaram itu, dengan segera campur tangan.

Polis mengarahkan kesemua kakitangan Kedutaan Indonesia supaya masuk semula ke dalam kawasan kedutaan manakala kumpulan itu diarahkan bersurai dari tempat itu atau mereka dikenakan tindakan.

Seorang jurucakap kumpulan itu, yang hanya mahu dikenali sebagai Jimmy, kemudian mengedarkan risalah dan kenyataan akhbar kepada pihak media.

Antara lain, kumpulan itu meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menjadikan sambutan ulangtahun ke-30 Asean tahun ini sebagai langkah permulaan ke arah menyelesaikan masalah Timor Timur secara adil dan damai.

Pada 12 Nov 1991, pasukan tentera Indonesia telah melepaskan tembakan ke arah satu demonstrasi aman di Tanah Perkuburan Santa Cruz di Dili, ibu negara Timor Timur, menyebabkan 271 orang terkorban manakala kira-kira 200 orang lagi dilaporkan hilang. -- BERNAMA

ZAI NAK